

Newspaper	Berita Harian
Date	10 June 2015

Pendekkan lawatan ke Arab Saudi

BH - 10/6/2015

Ranau: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata beliau telah memendekkan lawatannya ke Arab Saudi untuk bersama rakyat Sabah yang dilanda musibah gempa bumi.

Najib berkata, beliau memang berniat untuk datang lebih awal, namun jadual ketat tugas negara membuatkan beliau terpaksa menangguhkan lawatan hingga semalam.

“Saya mengetahui gempa bumi yang melanda itu pada

Jumaat (5 Jun), namun saya tidak dapat ke Sabah, kerana esoknya (6 Jun) ada sambutan Keputeraan Yang di-Pertuan Agong.

“Selepas itu, saya terus ke Arab Saudi untuk mengadakan lawatan rasmi, sebab kita ada hubungan dua hala dengan negara itu, saya kena pergi,” katanya ketika berucap pada Majlis Penyampaian Bantuan Kepada Waris Mangsa Gempa Bumi di Taman Kinabalu, Kundasang di sini, semalam.

Najib berkata, sebaik selesai perjumpaan dengan pemimpin Arab Saudi, beliau memutuskan untuk terus balik ke tanah air pada jam 11 malam kelmarin.

Tanggung mesyuarat

“Hari ini (semalam), saya sepatutnya menghadiri mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri, tetapi saya tangguhkan kerana mahu melihat keadaan di Ranau ini.

“Saya akan memastikan, dalam susah atau senang, Ke-

rajaan Pusat sentiasa bersama rakyat.

“Sebab itu, ketika ketiadaan saya, timbalan saya (Tan Sri Muhyiddin Yassin), melawat anda di sini,” katanya.

Sementara itu, Najib berkata, malim gunung yang menunjukkan keberanian luar biasa dalam operasi menyelamatkan di Gunung Kinabalu akan diberi anugerah khas.

Bagaimanapun, katanya, ia bergantung kepada cadangan yang disyorkan kerajaan negeri.